



'Macam bermimpi'

■ Penerima Anugerah Menteri Pendidikan tak sangka menang

Oleh Zaid Salim
am@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

"Saya rasa seperti bermimpi dan tidak percaya apabila diumumkan sebagai penerima anugerah ini," kata Muhammad Fikri Ahmad, 23, penerima Anugerah Menteri Pendidikan, anugerah tertinggi dipertandingkan pada malam Anugerah Tokoh Siswa 2013.

Anugerah julung kali anjuran Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu diadakan di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam, di sini, malam kelmarin, bertujuan melahirkan lebih ramai pelajar hebat dalam pelbagai bidang di kampus seperti kokurikulum, kepimpinan dan kesukarelawanan.

Muhammad Fikri yang juga pelajar tahun empat jurusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Perakaunan Islam) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkata, dia terkejut dan tidak menyangka menang kerana calon disenaraikan anugerah berprestij pertama kali diperkenalkan Kementerian Pendidikan itu disertai 43 siswa.

"Saya ada kelemahan, tetapi yang membuatkan saya berasa terpilih kerana kekuatan saya dalam menguasai bahasa Inggeris dan Melayu ketika ditemuduga.

"Itu satu kelebihan, tetapi saya akui siswa bertanding memiliki keistimewaan masing-masing," katanya.

Menurutnya, anugerah diterima diharapkan menjadi pembakar semangat rakan siswa lain berusaha lebih gigih dalam akademik dan aktiviti kokurikulum selain terbabit dengan program kemasyarakatan.

"Sejak menjadi warga institut pengajian tinggi, saya aktif menjalankan aktiviti luar antaranya khidmat masyarakat dan kokurikulum kerana percaya membarutukan menjadikan saya mahasiswa berjaya tidak hanya bergantung pada akademik," katanya yang berpegang pada moto Ukhuwah Teras Kegemilangan.

Muhammad Fikri berkata, selain Malaysia, dia turut melakukan program kemasyarakatan menjurus kepada sektor pendidikan dan ekonomi di Vietnam, Kemboja, Indonesia, China, Korea dan Turki.

Katanya, sebagai contoh di Vietnam, dia bersama pasukan UIAM menghulurkan naskah al-Quran kepada sekolah dan pelajar miskin selain membuka ruang perniagaan kepada kedai jahit pakaian pelajar terbabit.

"Walaupun sibuk dengan

pelajaran dan aktiviti luar, namun berbekalkan semangat dan dorongan penyarah serta ibu bapa, Ahmad Shaari, 53, dan Norhazimah Ismail, 49, saya bangga apabila mampu mencapai kejayaan dalam kedua-dua bidang," katanya yang turut dianugerahkan Tokoh Sukarelawan Siswa dan Anugerah Kepimpinan Program Sukarelawan Terbaik.

Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa dimenangi Ju Ariana Ibrahim, 23, dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) yang turut menerima anugerah Pemimpin Harapan.

Menurut Ju Ariana, dia berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapa dan tenaga pengajar kerana banyak membantunya.

"Saya bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa dan tenaga pengajar dalam kejayaan yang saya kecapai ini," katanya yang berasal dari Klang, Selangor.

Sementara itu, Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh berkata, dengan adanya pengiktirafan tertinggi menerusi program Anugerah Tokoh Siswa, kerajaan berharap lebih ramai pelajar hebat dan cemerlang dalam semua aspek yang dikenal pasti.

FAKTA
Turut terima Tokoh Sukarelawan Siswa dan Anugerah Kepimpinan Sukarelawan Terbaik